

21/08/1997

Kerajaan beku ambil pekerja asing

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan membekukan permohonan baru pengambilan pekerja asing di semua sektor mulai hari ini, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali.

Menurutnya, pembekuan itu dibuat sejajar hasrat kerajaan yang mahu majikan lebih mengutamakan pengambilan pekerja tempatan dalam sektor yang selama ini diisi pekerja asing.

Beliau berkata, pada masa ini, ada lebih 1.7 juta pekerja asing di seluruh negara dan jumlah itu disifatkan terlalu tinggi.

Sebelum ini, kerajaan hanya melarang pengambilan pekerja asing untuk mengisi kekosongan di sektor perladangan dan pembinaan.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melawat Sabah memberi amaran sikap majikan tempatan yang terlalu bergantung kepada khidmat pekerja asing boleh mengancam negara.

Mohd Tajol Rosli berkata, pembekuan pengambilan pekerja asing itu akan berkuatkuasa sehingga satu tempoh tertentu apabila ketika itu keadaan sudah 'reda dan terkawal'.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis pelancaran buku biografi Tun Razak-Jejak Bertapak Seorang Patriot, di sini, hari ini, beliau berkata, kemasukan pekerja asing perlu dikawal dan kementerianya sedang mencari kaedah baru untuk menangani perkara itu.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak akan menghalang pengambilan pekerja asing bagi permohonan yang sudah pun diluluskan.

"Kerajaan sedia menimbangkan sebarang permohonan memperbaharui permit pekerja berkenaan," katanya mengulas laporan bahawa kerajaan memberhentikan pengambilan pembantu rumah Filipina.

Beliau berkata, walaupun jumlah pekerja asing kini terlalu ramai, kementerian yakin jumlah itu akan terus meningkat kerana ada sebahagiannya tidak dapat dikesan.

"Kita melakukan tindakan ini (membekukan serta-merta) selepas majikan seolah-olah menganggap mereka mempunyai hak mengambil pekerja asing... mereka marah jika kita lewat memproses permohonan mereka," katanya.

(END)